

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah pendirian pihak Kementerian dalam mengiktiraf kepakaran teknikal kakitangan Kementerian Kerja Raya Sabah bagi membolehkan peruntukan dapat disalurkan secara terus dan diuruskan sendiri oleh Kementerian Kerja Raya Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu tersebut sebenarnya berkait dengan penguatkuasaan Arahan Perbendaharaan (AP) 182 bagi projek-projek Kerajaan Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Sebagai rekod, AP182 antara lain telah menggariskan tentang kebertanggungjawaban dan mandat kepada JKR Malaysia dan JPS selaku Jabatan Teknik Persekutuan bagi melaksanakan semua projek pembangunan fizikal yang dibiayai menerusi peruntukan Kerajaan Persekutuan di negara ini. Ia melibatkan semua proses pelaksanaan projek; termasuklah perolehan, penentuan skop, kos projek dan lain-lain.

Kementerian Kerja Raya mengambil maklum mengenai tuntutan oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak di mana ia acapkali dibincang sebelum ini. Perkara ini termasuk dalam salah satu agenda Rundingan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini perkara tersebut sedang diteliti oleh Jawatankuasa Kerja Rakan Sekutu iaitu salah satu Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Khas MA63. Keputusan daripada jawatankuasa ini akan dibawa untuk pertimbangan Majlis Khas MA63 yang dipengerusikan bersama oleh YAB Perdana Menteri, YAB Ketua Menteri Sabah dan YAB Ketua Menteri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha bagi membantu mengurangkan jurang pendapatan antara golongan bandar dan luar bandar dan sejauh mana kesan wabak COVID-19 ini mempengaruhi pendapatan golongan ini.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2021, sebanyak 25.2 juta penduduk atau 77.3 peratus adalah di kawasan bandar manakala 7.4 juta penduduk atau 22.7 peratus adalah di kawasan luar bandar. Umumnya, pandemik COVID-19 memberi kesan terhadap semua isi rumah baik di bandar mahupun di luar bandar.

2. Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020, pendapatan isi rumah kasar purata bulanan di peringkat nasional telah menurun daripada RM7,901 kepada RM7,089 iaitu penurunan sebanyak 10.3% dalam tempoh yang sama. Secara umumnya, semua negeri mencatatkan penurunan pendapatan isi rumah

kasar penengah dan purata bulanan dan isi rumah terkesan di bandar mahupun di luar bandar.

3. Sebagai Kerajaan yang prihatin, kerajaan telah melaksanakan strategi Pemulihan Ekonomi Negara 6R dengan tumpuan untuk melindungi kehidupan rakyat, kelangsungan perniagaan dan menjana ekonomi terutama bagi mendepani pandemik COVID-19. Lapan pakej rangsangan ekonomi dengan jumlah sebanyak RM530 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi membantu rakyat meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh mencabar ini.

4. Melalui Bajet 2022 yang telah dibentangkan pada 29 Oktober 2021, Kerajaan akan melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan pendapatan Keluarga Malaysia, di antaranya:

- i. Menjamin penyediaan 600 ribu peluang pekerjaan dengan peruntukan berjumlah RM4.8 bilion ringgit di bawah inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia (atau JaminKerja);
- ii. Inisiatif insentif penggajian JaminKerja dengan sasaran 300 ribu orang dan peruntukan RM2 bilion; dan
- iii. Pembiayaan kredit mikro bernilai hampir RM1.8 bilion akan disediakan melalui pelbagai agensi seperti TEKUN, Agrobank, BSN, Bank Rakyat dan Bank Negara Malaysia untuk membantu peniaga kecil dan sektor informal.

5. Bagi strategi jangka sederhana dan panjang Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan rakyat terutamanya isi rumah miskin dalam kalangan B40 di bandar dan luar bandar. Strategi ini termasuk menyediakan:

- i. Program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan contohnya Skim Kesejahteraan Rakyat;
- ii. Menambah baik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan;

- iii. menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan serta menyediakan kemudahan pembiayaan mikro seperti TEKUN; dan
- iv. meningkatkan sistem perlindungan sosial seperti Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40).

6. Di samping itu, antara strategi yang akan dilaksanakan untuk mentransformasi kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan adalah:

- i. Mempercepat penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan melalui peningkatan penyediaan infrastruktur luar bandar, menambah baik perkhidmatan asas dan mempertingkatkan ketersambungan dan mobiliti;
- ii. Mempelbagaikan dan merancakkan aktiviti ekonomi melalui inisiatif guna tanah penuh dan mencergaskan semula industri kotej luar bandar; dan
- iii. Menambah baik tadbir urus melalui memperkasa komuniti luar bandar di samping memperkemas sistem penyampaian.

7. Kerajaan yakin, inisiatif di bawah Bajet 2022 dan strategi yang dilaksanakan dalam RMKe-12 akan dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup Keluarga Malaysia di bandar dan luar bandar dengan komitmen semua pihak.

Sekian, terima kasih.